

Program tingkat minat sastera dalam generasi muda

Hulu Klang: Sekolah Menengah Kebangsaan Hulu Klang (SMKHK) baru-baru ini menganjurkan Program Pelestarian Warisan Budaya Bangsa Dalam Kalangan Remaja bertujuan meningkatkan pemahaman pelajar mengenali sastera sebagai satu daripada warisan dan budaya bangsa.

Program itu dianjurkan dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) berlangsung di Dewan Budiman SMKHK, di sini.

Majlis perasmian program itu disempurnakan Penolong Kanan Pentadbiran SMKHK, Raja Norhanizah Raja Shahminan.

Yang turut hadir Ketua Program, iaitu Prof Madya Dr Nik Rafidah Nik Muhammad Afendi dan Timbalan Ketua Program, Dr Salmah Jan Noor Muhammad.

Program itu turut dibantu lapan pelajar Sarjana Sastera UPM bertindak sebagai fasilitator bagi menarik minat pelajar terhadap mata pelajaran sastera.

Nik Rafidah berkata, program

itu diharap dapat membuka mata pelajar untuk mencintai sastera dan lebih ramai generasi muda berminat untuk menyambung pengajian dalam bidang sastera pada peringkat tinggi, khususnya di UPM.

Beliau yang juga Ketua Jaringan Komuniti Sastera Kanak-kanak dan Remaja pernah membuat kajian mengenai manuskrip cerita kanak-kanak di Universiti Laiden, Belanda.

Pilih jurusan sastera

Sehubungan itu, katanya, beliau optimis bahawa generasi muda akan lebih menghargai sastera dengan adanya program sebegini dilaksanakan di sekolah di seluruh negara.

Sementara itu, Penyelaras Program di SMKHK, Noraza Aziz melahirkan rasa bangga kerana sekolah itu dipilih sebagai lokasi program kolaboratif untuk kali kedua oleh pihak UPM.

Beliau yang juga guru subjek Bahasa Melayu berkata, kerjasama erat antara pihak universiti dengan sekolah dapat men-



Raja Norhanizah (lima dari kiri) selepas merasmikan Program Pelestarian Warisan Budaya Bangsa Dalam Kalangan Remaja di SMKHK, baru-baru ini.

jadi titik tolak untuk guru dan pelajar menambah ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang terutama sastera.

Pelajar Tingkat Enam SM-

KHK, Muhammad Haikal Nasarudin, berkata, program itu wajar dilaksanakan setiap tahun agar lebih ramai pelajar terutama lepasan Sijil Tinggi

Persekolahan Malaysia (STPM) memilih jurusan sastera khususnya di UPM agar budaya bangsa terus dijunjung oleh generasi muda.